

UMNO

Perak sokong Mahathir ganti Datuk Hussein

BRUAS, Isid — UMNO Perak sebagai suara menyokong Datuk Besar Dr. Mahathir Mohamad menggantikan Datuk Hussein Oni sebagai presiden parti dan Perdana Menteri.

Ahli Exco Negeri, Encik Zainal Abidin Eki yang mewakili Menteri Besar Perak, menyatakan demikian ketika berucap merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Bruas di Pengkalan Batu, dekat sini.

Katanya, walaupun kita masih memerlukan kepimpinan Datuk Hussein dalam parti dan kerajaan, tetapi menimbangkan kesihatan yang tidak mengizinkan, kita terpaksa menerima keputusan yang dibuatnya itu.

Merurutnya, Datuk Hussein telah banyak memberi sumbangan dan membawa banyak perubahan dalam semua bidang.

Bellu juga menyeru ahli-ahli UMNO bertangan menghadapi sebarang pergolakan kerana UMNO dapat menyelesaikan semua masalahnya dengan baik dan sebarang perubahan dalam pucuk pimpinan parti akan dapat diatasi dengan sebaik-baiknya.

Encik Zainal Abidin juga berharap ahli-ahli UMNO dapat meneruskan kepimpinan parti terdiri daripada mereka yang jujur, ikhlas, dedikasi serta taat setia yang tidak berbelah bag kepada parti dan rakyat.

Di samping itu katanya, ahli-ahli UMNO perlu memperkukuh parti serta mengkaji kekuatan parti lawan.

Ahli Exco itu juga mengingatkan ahli-ahli UMNO menghindarkan penyakit berpuak-puak di dalam parti kerana dalam sesebuah parti yang besar dan berpengaruh seperti UMNO, perbuatan tersebut hanya memecah-belahkan mereka sesama sendiri.

Bahan asal dari Arkib